

## BERITA SETEMPAT

UM 23/06/08 pg.24

# UMT terima kumpulan pertama pelajar Indonesia Julai

**KUALA TERENGGANU** Buat pertama kali, sekumpulan 25 pelajar dari Indonesia adalah antara 2,200 pelajar baru yang akan mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bermula bulan depan.

Naib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr. Sulaiman Mohd. Yassin berkata, para pelajar Indonesia berkenaan akan mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang seperti sains, ekonomi dan maritim.

"Kemasukan pelajar Indonesia ini ke UMT adalah atas usaha sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) negara itu yang membiayai mereka," katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Beliau berkata, sebanyak 70 peratus pelajar yang dipilih melalui Unit Pengambilan Universiti (UPU) untuk memulakan pengajian di UMT adalah bagi pengambilan pertama manakala baki 30 peratus menerusi pengambilan kedua.

Mengenai kerjasama antara UMT dan Universiti Newcastle, England, Dr. Sulaiman berkata, pihaknya akan mengadakan program pertukaran pensyarah dan pelajarinya ke universiti berkenaan tidak lama lagi.

"Kami akan bertukar pensyarah dan menghantar pelajar kami ke sana. Saya sendiri akan membuat lawatan balas ke universiti tersebut," katanya.

- Bernama